



INSANIAH
KOLEJ UNIVERSITI
جامعہ انسانیہ



Risalah Insaniah
sempena Konvokesyen
ke 11
حفلة التخرج السنوية



Tiga Puluh Kelebihan Dan Ganjaran Amalan Sunnah Rasulullah s.a.w

Risalah sempena Konvokesyen kali-11



Disusun oleh:

**Akli Bin Ahmad Bin Mat Saman Bin Abdullah
Pengarah Pusat Khidmat Komuniti, KUIN**

Tarikh:

26 Julai 2009 M bersamaan 04 Syaaban 1430 H

Tiga Puluh Kelebihan Dan Ganjaran Amalan Sunnah Rasulullah s.a.w

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، أَمَا بَعْدُ ...

Terlebih dahulu dalam mukaddimah risalah ini, diperjelaskan maksud tajuk yang dibincangkan seperti berikut:

Definisi kelebihan:

Dari segi bahasa sebagaimana yang disebut di dalam Tesaurus Bahasa Melayu Dewan (1998) kelebihan bermaksud keistimewaan, keunggulan, keutamaan, kemenangan, kehormatan, kepentingan, ketinggian, kesempurnaan, keagungan, *atau* disebut dalam Kamus Dewan Edisi Tiga sebagai sesuatu sifat yang lebih daripada kebiasaan, keistimewaan: Contohnya: Sayidina Ali ialah sahabat Rasulullah yang mempunyai banyak kelebihan dan sifat-sifat yang teristimewa, *atau* bilangan yang berlebihan, bilangan yang lebih banyak: beliau telah menang dalam pilihanraya.

Dari segi istilah kelebihan bermaksud kedudukan yang mulia serta tinggi hasil daripada akhlak mulia sebagaimana disebut dalam bahasa Arab:

الْفَيْضِيَّةُ هِيَ الدَّرَجَةُ الرَّفِيعَةُ مِنْ حُسْنِ الْخُلُقِ

Definisi Ganjaran

Dalam kamus dewan edisi empat dinyatakan ganjaran ialah hadiah (untuk perbuatan baik dan lain-lain) Contohnya: Patih Gajah Mada pun memberi ganjaran akan perwira itu empat ratus pitis, *atau* balasan (untuk perbuatan jahat dan lain-lain): Contohnya: dia akan mendapat ganjaran pada kemudian hari kerana kejahatan-kejahatannya.

Definisi Amalan:

Dalam Kamus Dewan Edisi Empat dinyatakan ianya adalah sesuatu yang dilakukan (dilaksanakan, dikerjakan, dan sebagainya) sebagai suatu kebiasaan; pada ~nya yang sebenarnya berlaku atau terdapat, pada praktiknya, pada kebiasaannya: pada ~nya, hanya sebuah parti politik dan sebuah kesatuan sekerja sahaja yang dibenarkan bergerak dalam sesebuah ladang; *atau* perbuatan baik, kebajikan.

Definisi Sunnah:

Sunnah ialah segala ungkapan, perbuatan, paengakuan nabi s.a.w atau segala apa yang disandarkan kepada nabi s.a.w. Justeru, kita memahami bahawa menghidupkan amalan nabi saw adalah dituntut kerana padanya terdapat kelebihan-

kelebihan, barakah-barakah, ganjaran yang besar yang dianugerahkan Allah s.w.t. Sesungguhnya sunnah Nabi s.a.w adalah sunnah kita semua. Nabi tidak diutuskan sebagai boneka tetai sebagai contoh terbaik bagi setiap aspek kehidupan manusia.

Kenapa perlu mencari kelebihan?

Sayyidina 'Ali r.a pernah menyatakan bahawa:

أَقْوَى الْوَسَائِلِ حُسْنُ الْفَضَائِلِ

Maknanya: "Sebaik-baik wasilah (untuk sampai kepada Allah ialah) keelokan dalam mencari kelebihan dan kemuliaan".

Sesiapa menghidupkan sunnah Nabi s.a.w, baginya pahala amalan tersebut. Sekiranya amalan itu dilakukan oleh orang lain pasti dicatat untuknya seluruh pahala mereka itu. Perlu diingatkan bahawa amalan yang sedikit yang bertepatan dengan Sunnah Nabi s.a.w digandakan ganjaran pahala baginya. Manakala amalan yang banyak tetapi bercanggah dengan sunnah nabi saw tidak akan mendapat sebarang ganjaran dari Allah swt.

Bagaimana mencapai kelebihan?

Caranya adalah dengan melakukan segala suruhan Allah s.w.t , serta meninggalkan laranganNya. Antara amalan yang

diberikan kelebihan dan kemuliaan oleh Allah s.w.t adalah seperti berikut:-

1- Menghidupkan Sunnah Nabi s.a.w.

Sesungguhnya Allah s.w.t menyatakan dalam al-Quran bahawa orang yang mengikut Sunnah Nabi adalah kekasih Allah s.w.t. Ini sebagaimana firmanNya dalam surah Ali-'Imran, ayat (31):

قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ

غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٣١﴾

Maknanya: Katakanlah (Wahai Muhammad): "Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutlah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

Al-Syeikh Abdul Rahman al-Sa'diy menjelaskan bahawa antara kemestian di sebalik kecintaan seorang hamba kepada Allah ialah dengan memperbanyakkan amal ibadat. Sesiapa yang menghidupkan Sunnah Imam nabi s.a.w ini pasti dia dikasihi Allah dan rasulNya. Apabila seseorang menjadi kekasih Allah dirinya sentiasa dilindungi, gerak geri diawasi, pemikirannya dikawal, hatinya dibayangi dengan cahaya keimanan yang dianugerah Allah. Sesiapa yang kasihkan Allah perbanyakkanlah zikir kepadanya. Menghidupkan sunnah nabi adalah amalan orang yang inginkan kesenangan dunia dan kejayaan akhirat.

Hal ini sebagaimana firman Allah swt dalam surah al-Ahzab, ayat (21) yang berbunyi:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ

وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا

Maknanya: Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredhaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta dia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang).

2- Menyebut Allah Di Dalam Setiap Majlis

Mengingati Allah adalah satu kewajipan pada setiap saat dan tempat. Lupa Allah adalah kelalaian dan dosa. Nabi s.a.w dan para sahabat senantiasa mengabdikan diri kepada Allah dengan pelbagai jenis amalan yang mana kesemua amalan tersebut adalah zikir kepada Allah. Kata – kata Nabi s.a.w semuanya zikir, perbuatan mereka adalah zikir, berfikir mereka adalah zikir, diam mereka adalah zikir.

Nabi s.a.w telah bersabda dalam sebuah hadis riwayat Imam Tirmizi, no. (3380) yang berbunyi:

قال النبي - صلى الله عليه وسلم - : " مَا جَلَسَ قَوْمٌ مَجْلِسًا لَمْ يَذْكُرُوا
الله فِيهِ، وَلَمْ يُصَلُّوا عَلَيَّ نَبِيَّهُمْ إِلَّا كَانَ عَلَيْهِمْ تِرَةٌ، أَي: حَسْرَةٌ: فَإِنْ شَاءَ
عَذَّبَهُمْ، وَإِنْ شَاءَ غَفَرَ لَهُمْ".

Maknanya: Tidak berada sesuatu kaum dalam satu majlis walhal mereka tidak menyebut nama Allah dan tidak bersalawat kepada rasulullah s.a.w melainkan mereka semua beroleh kerugian. Sekiranya Allah s.w.t kehendaki, pasti diazab mereka. Sebaliknya jika Allah kehendaki, pasti Dia akan mengampuni dosa mereka.

3- Menyintai Perjuangan Rasulullah s.a.w

Allah s.w.t telah menyatakan bahawa perjuangan pada jalan Allah adalah pengorbanan yang amat berharga sehinggakan Allah s.w.t membeli nyawa itu dengan membayar syurga sebagai ganjaran. Perlu diingat bahawa diri, nyawa kita adalah milik Allah dan syurga juga adalah milik Allah. Kalau difikir secara mudah kitalah orang paling beruntung. Hal ini kerana kesemua modal dari Allah, untung pun dianugerah Allah. Tugas kita hanyalah menjalankan perniagaan yang diberikan Allah dengan penuh gigih dan amanah, rasa takut dan harap. Hal ini sebagaimana firman Allah s.w.t dalam surah al-Taubah, ayat (111).

﴿إِنَّ اللَّهَ اشْتَرَى مِنَ الْمُؤْمِنِينَ أَنفُسَهُمْ وَأَمْوَالَهُمْ بِأَنَّ لَهُمُ الْجَنَّةَ
 يُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَيَقْتُلُونَ وَيُقْتَلُونَ وَعَدًّا عَلَيْهِ حَقًّا فِي
 التَّوْرَةِ وَالْإِنْجِيلِ وَالْقُرْآنِ وَمَنْ أَوْفَىٰ بِعَهْدِهِ مِنَ اللَّهِ فَاسْتَبْشِرُوا
 بِبَيْعِكُمُ الَّذِي بَايَعْتُمْ بِهِ ۚ وَذَٰلِكَ هُوَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ ﴿٣١﴾

Maknanya: Sesungguhnya Allah telah membeli dari orang-orang yang beriman akan jiwa mereka dan harta benda mereka dengan (balasan) bahwa mereka akan beroleh Syurga, (disebabkan) mereka berjuang pada jalan Allah maka (di antara) mereka ada yang membunuh dan terbunuh. (Balasan Syurga yang demikian ialah) sebagai janji yang benar yang ditetapkan oleh Allah di dalam (Kitab-kitab) Taurat dan Injil serta Al-Quran dan siapakah lagi yang lebih menyempurnakan janjinya daripada Allah? Oleh itu, bergembiralah dengan jualan yang kamu jalankan jual belinya itu dan (ketahuilah bahawa) jual beli (yang seperti itu) ialah kemenangan yang besar.

4- Menimba Ilmu

Ilmu amat penting bagi setiap manusia kerana ia dapat membezakan antara yang benar dengan yang batil, antara yang sah dengan yang batil, membezakan antara manusia dengan haiwan. Tanpa ilmu, kita tidak dapat membezakan antara perkara tersebut. Nilai ilmu sebagaimana sabda Nabi

s.a.w dalam hadith riwayat Imam Tirmizi, no. (2571) yang berbunyi:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَنْ خَرَجَ فِي طَلَبِ الْعِلْمِ
كَانَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ حَتَّى يَرْجِعَ".

Maknanya: "Sesiapa yang keluar untuk menuntut ilmu nescaya ia sedang berada pada jalan Allah hingga dia kembali".

Lagi sabda Nabi s.a.w dalam hadith riwayat Imam Abi Daud, no. (3157) yang berbunyi:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ:- "مَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَبْتَغِي فِيهِ
عِلْمًا سَلَكَ اللَّهُ بِهِ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ وَإِنَّ الْمَلَائِكَةَ لَتَضَعُ أَجْنِحَتَهَا رِضَاءً
لِطَالِبِ الْعِلْمِ وَإِنَّ الْعَالِمَ لَيَسْتَغْفِرُ لَهُ مَنْ فِي السَّمَوَاتِ وَمَنْ فِي الْأَرْضِ
حَتَّى الْحِيتَانُ فِي الْمَاءِ وَفَضْلُ الْعَالِمِ عَلَى الْعَابِدِ كَفَضْلِ الْقَمَرِ عَلَى سَائِرِ
الْكَوَاكِبِ إِنَّ الْعُلَمَاءَ وَرَثَةُ الْأَنْبِيَاءِ إِنَّ الْأَنْبِيَاءَ لَمْ يُورَثُوا دِينَارًا وَلَا دِرْهَمًا
إِنَّمَا وَرَثُوا الْعِلْمَ فَمَنْ أَخَذَ بِهِ أَخَذَ بِحِطِّهِ وَأَفْرِهِ".

Maksudnya: Allah akan memudahkan jalan ke syurga kepada orang yang berjalan di dalam jangka beberapa jarak untuk mencari ilmu pengetahuan. Para malaikat pula akan

menghamparkan sayap-sayap mereka di bawah kakinya dan kesemua makhluk-makhluk yang berada di langit dan di bumi (sekalipun ikan-ikan di laut) akan mendoakan agar dia mendapat keampunan. Kelebihan seseorang yang berpengetahuan (Ulamak) berbanding seseorang yang hanya beribadat diibaratkan seperti kelebihan bulan berbanding bintang-bintang.

5- Memuliakan tetamu

Nabi s.a.w amat menitikberatkan masalah ini sebagaimana sabda baginda dalam hadith riwayat Imam Ahmad yang berbunyi:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - : ” مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ
الْآخِرِ فَلْيُكْرِمْ ضَيْفَهُ قَالَهَا ثَلَاثًا قَالَ وَمَا كَرَامَةُ الضَّيْفِ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ
ثَلَاثَةٌ أَيَّامٍ فَمَا جَلَسَ بَعْدَ ذَلِكَ فَهُوَ عَلَيْهِ صَدَقَةٌ “.

Maknanya: Sesiapa yang beriman dengan Allah dan hari Kiamat hendaklah dia muliakan tetamunya (nabi ulang ayat ini 3 kali). Lalu sahabat pun bertanya: Apakah kemuliaan tetamu, wahai Rasulullah? Nabi s.a.w menjawab; Kemuliaan sebagai tetamu adalah di layan selama tiga hari, manakala jika lebih dari itu, ia adalah sedekah “.

6- Berwudhuk

Wudhuk sebenarnya adalah amalan jasmani yang cukup ringan serta tidak membebankan, hanya mengambil air dan dibasuh atau sisapkan pada anggota yang ditetapkan. Ia juga memberi kebersihan, kesucian, keluhuran dan sebagainya. Nabi s.a.w mengkhabarkan bahawa ganjaran besar menanti di sebalik kesempurnaan wudhuk seseorang hamba. Sesungguhnya Allah s.w.t memberi jaminan untuk mengampun kesalahan dosa kecil bersama titisan air wudhuk yang menitis dari anggota wudhuk. Nabi s.a.w telah bersabda dalam hadith riwayat Imam Muslim, no. (231) yang berbunyi:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - : " مَا مِنْكُمْ مِنْ أَحَدٍ يَتَوَضَّأُ
فِيْبَلِغُ أَوْ فَيَسْبِغُ الْوَضُوءَ ثُمَّ يَقُولُ أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا
عَبْدُ اللَّهِ وَرَسُولُهُ إِلَّا فُتِحَتْ لَهُ أَبْوَابُ الْجَنَّةِ الثَّمَانِيَةِ يَدْخُلُ مِنْ أَيِّهَا شَاءَ "

Maknanya: Tiada seorang di kalangan kamu yang berwudhuk, kemudian dia membasuh (anggota wudhuk) dengan sempurna, lalu dia mengucap dua kalimah Shahadah, melainkan dibukakan untuknya delapan-lapan pintu syurga dan diberi pilihan untuk masuk dari mana-mana pintu yang disukainya.

7- Mandi Sunat Hari Jumaat

Jumaat adalah penghulu segala hari dalam seminggu. Kelebihan hari ini telah sabit dengan nas-nas syarak. Kelebihan ini dapat dilihat dari pelbagai aspek antaranya ialah sebagaimana sabda Nabi s.a.w dalam hadis riwayat Imam al-Bukhariy, no. (882) yang berbunyi:

قَالَ النَّبِيُّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - : " لَا يَغْتَسِلُ رَجُلٌ يَوْمَ الْجُمُعَةِ وَيَتَطَهَّرُ مَا اسْتَطَاعَ مِنْ طَهْرٍ وَيَدَّهِنُ مِنْ دُهْنِهِ أَوْ يَمَسُّ مِنْ طِيبِ بَيْتِهِ ثُمَّ يَخْرُجُ فَلَا يُفْرَقُ بَيْنَ اثْنَيْنِ ثُمَّ يُصَلِّي مَا كُتِبَ لَهُ ثُمَّ يَنْصِتُ إِذَا تَكَلَّمَ الْإِمَامُ إِلَّا غُفِرَ لَهُ مَا بَيْنَهُ وَبَيْنَ الْجُمُعَةِ الْأُخْرَى ."

Maknanya: Seseorang kamu tidak mandi pada hari Jumaat serta berwhuduk sekadar termampu, kemudian memakai wangian yang dimilikinya atau yang ada di rumahnya, lalu dia keluar (ke masjid untuk Solat) seberapa segera, kemudian dia menunaikan solat yang disyariatkan, kemudian dia mendiamkan diri sewaktu khatib berkhotbah melainkan diampun baginya dosa antara dua hari Jumaat.

8- Berjalan ke Masjid.

Sabda Nabi s.a.w dalam hadith riwayat Muslim, no. (666) yang berbunyi:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - : «مَنْ تَطَهَّرَ فِي بَيْتِهِ ثُمَّ
مَشَى إِلَى بَيْتٍ مِنْ بُيُوتِ اللَّهِ لِيَقْضِيَ فَرِيضَةً مِنْ فَرَائِضِ اللَّهِ كَانَتْ
حَطَوَاتُهُ إِحْدَاهُمَا تَحُطُّ خَطِيئَةً وَالْأُخْرَى تَرْفَعُ دَرَجَةً» .

Maknanya: Sesiapa yang berwudhuk di rumahnya, lalu dia pergi ke mana-mana masjid untuk menunaikan solat yang difardhukan nescaya kedua-dua langkahnya (adalah kebajikan). Langkah pertama menghapuskan dosanya, manakala langkah kedua akan mengangkat martabatnya.

9- Melaungkan Azan

Azan adalah syiar Islam yang disyariatkan Allah s.w.t untuk mengiklankan lima waktu solat sehari semalam serta membesarkan Allah s.w.t.

Sabda Nabi s.a.w dalam hadis riwayat al-Bukhariy, no.(609) yang berbunyi:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - لِأَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ - رَضِيَ
اللَّهُ عَنْهُ - : «إِنِّي أَرَاكَ تُحِبُّ الْعَنَمَ وَالْبَادِيَةَ فَإِذَا كُنْتَ فِي غَنَمِكَ أَوْ

بَادِيَتِكَ فَأَذْنْتَ بِالصَّلَاةِ فَارْفَعْ صَوْتَكَ بِالنِّدَاءِ فَإِنَّهُ لَا يَسْمَعُ مَدَى صَوْتِ

الْمُؤَذِّنِ حِنَّ وَلَا إِنْسٌ وَلَا شَيْءٌ إِلَّا شَهِدَ لَهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ» .

Maknanya: Sesungguhnya aku melihat kamu sukakan ternakan kambing dan pertanian. Sekiranya engkau melaungkan azan walhal kamu sedang menternak binatang atau bertanam hendaklah kamu meninggikan suara. Sesungguhnya tidak mendengar sesuatu pun di antara makhluk termasuk Jin, manusia, melainkan kesemuanya akan menjadi saksi untuknya (muezzin) pada hari kiamat kelak.

10- Mengucap Amin Bersama Imam

Sabda Nabi s.a.w dalam hadith riwayat al-Bukhariy, no. (780) yang berbunyi:

إِنَّ النَّبِيَّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - قَالَ : ” إِذَا أَمَّنَ الْإِمَامُ فَأَمَّنُوا فَإِنَّهُ مَنْ وَافَقَ تَأْمِينَهُ تَأْمِينِ الْمَلَائِكَةِ غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ وَقَالَ ابْنُ شِهَابٍ وَكَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ آمِينَ “.

Maknanya: Apabila Imam melafaz perkataan (Amin) hendaklah kamu menyebut bersamanya. Sesungguhnya sebutan amin itu sekiranya menyamai sebutan malaikat pasti diampun dosanya yang terdahulu. Ibnu Shihab menyatakan bahawa nabi s.a.w menyebut perkataan tersebut (Amin).

11- Menunggu Sòlat

Sabda Nabi s.a.w dalam hadith sahih al-Bukhariy, no. (445) yang berbunyi:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - قَالَ: ” الْمَلَائِكَةُ تُصَلِّي عَلَيَّ
أَحَدِكُمْ مَا دَامَ فِي مُصَلَّاهُ الَّذِي صَلَّى فِيهِ مَا لَمْ يُحْدِثْ تَقُولُ اللَّهُمَّ اغْفِرْ
لَهُ اللَّهُمَّ ارْحَمَهُ “.

Maknanya: Para malaikat akan berselawat (berdoa) kepada setiap orang yang masih menunggu di tempat solatnya selesai solatnya selama mana dia tidak berhadass (batal wudhu'), sambil mereka berdoa dengan katanya: Ya Allah!! Ampunlah dosa-dosanya, Ya Allah rahmatilah dirinya”.

12- Solat Dhuha

Sabda Nabi s.a.w dalam hadith riwayat Imam Muslim, no. (1181) yang berbunyi:

عَنْ النَّبِيِّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - أَنَّهُ قَالَ: ” يُصْبِحُ عَلَيَّ كُلُّ سَلَامِي
مِنْ أَحَدِكُمْ صَدَقَةٌ فَكُلُّ تَسْبِيحَةٍ صَدَقَةٌ وَكُلُّ تَحْمِيدَةٍ صَدَقَةٌ وَكُلُّ تَهْلِيلَةٍ
صَدَقَةٌ وَكُلُّ تَكْبِيرَةٍ صَدَقَةٌ وَأَمْرٌ بِالْمَعْرُوفِ صَدَقَةٌ وَنَهْيٌ عَنِ الْمُنْكَرِ
صَدَقَةٌ وَيُجْزَى مِنْ ذَلِكَ رَكْعَتَانِ يَرَكَعُهُمَا مِنَ الضُّحَى “.

Maknanya: Akan `berhasil bagi setiap sendi jasad kamu sedekah, Justeru setiap tasbih adalah sedekah, semua tahmid adalah sedekah, semua tahlil adalah sedekah, semua takbir adalah sedekah, menyeru kepada kebaikan adalah sedekah, mencegah dari kemungkaran adalah sedekah, dan segala ganjaran itu akan diberikan dengan solat dua rakaat pada waktu Dhuha (solat Dhuha)".

13- Menyaksikan Jenazah

Sabda Nabi s.a.w dalam hadith riwayat Imam al-Bukhariy, no. (1325) yang berbunyi:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - : " مَنْ شَهِدَ الْجَنَازَةَ حَتَّى

يُصَلِّيَ عَلَيْهَا فَلَهُ قِيرَاطٌ وَمَنْ شَهِدَهَا حَتَّى تُدْفَنَ فَلَهُ قِيرَاطَانِ قِيلَ وَمَا

الْقِيرَاطَانِ قَالَ مِثْلُ الْجَبَلَيْنِ الْعَظِيمَيْنِ ."

Maknanya: Sesiapa menyaksikan jenazah sehingga disolat ke atasnya, untuknya satai *Qiiraat*, dan sesiapa yang menyaksikannya sehingga dikebumikan, untuknya dua *Qiraat*. Kemudian ditanya kepada nabi s.a.w: Apakah dua *Qiiraat* itu ya Rasulullah? Jawab baginda s.a.w: "Ianya adalah sama dengan dua buah bukit yang besar".

14- Puasa 'Arafah

Sabda Nabi s.a.w dalam hadith riwayat Imam Ahmad yang berbunyi:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ-: "صَوْمُ يَوْمِ عَرَفَةَ يُكَفِّرُ سِتِّينَ مَاضِيَةً وَمُسْتَقْبَلَةً وَصَوْمُ عَاشُورَاءَ يُكَفِّرُ سَنَةً مَاضِيَةً".

Maknanya: Puasa pada hari 'Arafah akan menghapuskan dosa setahun yang lalu dan dosa tahun yang akan datang, Manakala puasa 'Asyura' menghapuskan dosa setahun yang akan datang".

15- Berbaik Sangka Dengan Allah s.w.t

Sabda Nabi s.a.w dalam hadith riwayat Imam Tirmizi, no. (3527) yang berbunyi:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ-: "يَقُولُ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ أَنَا عِنْدَ ظَنِّ عَبْدِي بِي وَأَنَا مَعَهُ حِينَ يَذْكُرُنِي فَإِنْ ذَكَرَنِي فِي نَفْسِهِ ذَكَرْتُهُ فِي نَفْسِي وَإِنْ ذَكَرَنِي فِي مَلَأٍ ذَكَرْتُهُ فِي مَلَأٍ خَيْرٍ مِنْهُمْ وَإِنْ اقْتَرَبَ إِلَيَّ شِبْرًا اقْتَرَبْتُ مِنْهُ ذِرَاعًا وَإِنْ اقْتَرَبَ إِلَيَّ ذِرَاعًا اقْتَرَبْتُ إِلَيْهِ بَاعًا وَإِنْ أَتَانِي يَمْشِي أَتَيْتُهُ هَرْوَلَةً".

Maknanya: Berkata Allah s.w.t bahawa; sesungguhnya aku bersama dengan sangkaan hambaku kepadaku, Aku akan bersamanya sewaktu dia berzikir kepadaku. Sekiranya dia menginglatiku dalam dirinya pasti aku akan menyebutnya dalam diriku. Sekiranya dia menyebut aku di kalangan makhluk pasti aku akan menyebutnya di kalangan makhluk, bahkan lebih baik dari itu. Sekiranya dia menghampiriku sejengkal, pasti aku akan lebih dekat dari itu. Sekiranya dia menghampiri aku sehasta aku akan dekat kepadanya lebih dari itu. Dan sekiranya dia datang kepadaku berjalan pasti aku akan datang kepadanya dengan berlari-lari anak (lebih pantas dari itu)“.

16- Bersedekah

Sabda Nabi s.a.w dalam hadith riwayat Imam al-Bukhariy, no. (1410) yang berbunyi:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - : ” مَنْ تَصَدَّقَ بِعَدْلِ تَمْرَةٍ مِنْ كَسْبٍ طَيِّبٍ وَلَا يَقْبَلُ اللَّهُ إِلَّا الطَّيِّبَ وَإِنَّ اللَّهَ يَتَقَبَّلُهَا بِيَمِينِهِ ثُمَّ يُرِيهَا لِصَاحِبِهِ كَمَا يُرِيَّ أَحَدُكُمْ فُلُوهُ حَتَّى تَكُونَ مِثْلَ الْجَبَلِ “.

Maknanya: “Sesiapa yang bersedekah sekalipun dengan nilai sebiji kurma dari rezekinya yang halal (walhal Allah tidak menerima melainkan yang halal) pasti Allah akan menerimanya dengan kananNya, kemudian Allah akan menambah rezekinya

sepertimana kamu menjaga sehingga ia menjadi sebesar bukit”.

17- Membaca Al-Quran

Sabda Nabi s.a.w dalam hadith riwayat Imam al-Bukhariy, no. (4624) yang berbunyi:

قَالَ النَّبِيُّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - ”مَنْ قَرَأَ بِالْآيَتَيْنِ مِنْ آخِرِ سُورَةِ
الْبَقَرَةِ فِي لَيْلَةٍ كَفَّتَاهُ“

Maknanya: Sesiapa membaca dua ayat terakhir al-Baqarah memadai baginya.

أَيُّ: أَجْزَأَتَا عَنْهُ مِنْ قِيَامِ اللَّيْلِ بِالْقُرْآنِ، وَقِيلَ أَجْزَأَتَا عَنْهُ عَنْ

قِرَاءَةِ الْقُرْآنِ مُطْلَقًا سَوَاءَ كَانَ دَاخِلَ الصَّلَاةِ أَمْ خَارِجَهَا.

Maknanya: Kedua-dua ayat tersebut memadai baginya daripada Qiamullail (solat malam) dengan membaca al-Quran, Manakala ada pendapat kedua menyatakan bahwa memadai baginya bacaan al-Quran secara mutlak samaada dalam solat malam atau di luar solat malam tersebut.ز

Dua ayat yang dimaksudkan di atas ialah ayat (285-286) yang berbunyi:

ءَامَنَ الرَّسُولُ بِمَا أُنزِلَ إِلَيْهِ مِنْ رَبِّهِ وَالْمُؤْمِنُونَ كُلٌّ ءَامَنَ بِاللَّهِ
 وَمَلَائِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ لَا نُفَرِّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِّن رُّسُلِهِ ؕ وَقَالُوا
 سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا ؕ غُفْرَانَكَ رَبَّنَا وَإِلَيْكَ الْمَصِيرُ ﴿٢٤٦﴾ لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا
 إِلَّا وُسْعَهَا ؕ لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا اكْتَسَبَتْ رَبَّنَا لَا تُؤَاخِذْنَا إِن دُوسِينَا
 أَوْ أَخْطَأْنَا رَبَّنَا وَلَا تَحْمِلْ عَلَيْنَا إِصْرًا كَمَا حَمَلْتَهُ عَلَى الَّذِينَ مِن
 قَبْلِنَا رَبَّنَا وَلَا تُحَمِّلْنَا مَا لَا طَاقَةَ لَنَا بِهِ ؕ وَاعْفُ عَنَّا وَارْحَمْنَا
 أَنْتَ مَوْلَانَا فَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ ﴿٢٤٧﴾

18- Selawat dan Salam Ke Atas Nabi s.a.w

Sabda Nabi s.a.w dalam hadith riwayat Imam Muslim, no. (384) yang berbunyi:

قال رسول الله - صلى الله عليه وسلم - : ” مَنْ صَلَّى عَلَيَّ وَاحِدَةً صَلَّى اللَّهُ عَلَيَّ عَشْرًا “.

Maknanya: “Sesiapa yang berselawat ke atasku sekali, nescaya Allah akan berselawat kepadanya sepuluh kali”.

19- Bertasbih Dan Bertahmid

Sabda Nabi s.a.w dalam hadith riwayat Imam al-Bukhari, no. (6406) yang berbunyi:

عَنْ النَّبِيِّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - قَالَ: "كَلِمَتَانِ خَفِيفَتَانِ عَلَى
اللِّسَانِ ثَقِيلَتَانِ فِي الْمِيزَانِ، حَبِيبَتَانِ إِلَى الرَّحْمَنِ سُبْحَانَ اللَّهِ الْعَظِيمِ
سُبْحَانَ اللَّهِ وَبِحَمْدِهِ".

Maknanya: Dua kalimat yang cukup ringan untuk dilafazkan namun berat pada timbangan Mizan Allah s.w.t serta amat disukai Allah s.w.t iaitulah: Subhana Allah al-'Azim wa Bi Hamdihi".

20- Bertahlil

Sabda Nabi s.a.w dalam hadith riwayat Imam al-Bukhariy, no. (6403) yang berbunyi:

قَالَ رَسُولَ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - : "مَنْ قَالَ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ
لَا شَرِيكَ لَهُ لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ فِي يَوْمٍ مِائَةَ
مَرَّةٍ كَانَتْ لَهُ عِدْلَ عَشْرِ رِقَابٍ وَكُتِبَ لَهُ مِائَةُ حَسَنَةٍ وَمُحِيتَ عَنْهُ
مِائَةُ سَيِّئَةٍ وَكَانَتْ لَهُ حِرْزًا مِنَ الشَّيْطَانِ يَوْمَهُ ذَلِكَ حَتَّى يُمْسِيَ وَلَمْ
يَأْتِ أَحَدٌ بِأَفْضَلَ مِمَّا جَاءَ إِلَّا رَجُلٌ عَمِلَ أَكْثَرَ مِنْهُ".

Maknanya: "Sesiapa yang mengucap; *La Ilaha Illa Allah wahdahu La Syarika Lah Lahu al-Mulku Wa Lahu al-Hamdu Wa Huwa 'Ala Kulli Syaiin Qadir*, sebanyak seratus kali setiap hari,

baginya ganjaran pahala menyamai pembebasan sepuluh orang hamba, serta dicatat baginya seratus kebajikan dan dihapuskan darinya seratus kejahatan serta dijadikan bagi dirinya benteng daripada Syaitan pada hari tersebut sehingga sampai waktu petang. Tidak seorang pun yang melakukan sesuatu yang lebih baik dari itu kecuali orang yang berzikir lebih darinya”.

21- Syukur Selepas Makan

Sabda Nabi s.a.w dalam hadith Imam Muslim, no. (4915) yang berbunyi:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - : ” إِنَّ اللَّهَ لَيَرْضَى عَنِ الْعَبْدِ أَنْ يَأْكُلَ الْأَكْلَةَ فَيَحْمَدُهُ عَلَيْهَا أَوْ يَشْرَبَ الشَّرْبَةَ فَيَحْمَدُهُ عَلَيْهَا “.

Maknanya: “Sesungguhnya Allah s.w.t redho kepada hambanya yang menjamah sesuatu makanan, lalu dia memuji Allah selepas itu atau selepas daripada meminum minuman kemudian dia bersyukur di atas nikmat itu”

22- Beristighfar

Sabda Nabi s.a.w dalam hadith riwayat Imam Abu Daud, no. (1518) yang berbunyi:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - : "مَنْ لَزِمَ الْإِسْتِغْفَارَ جَعَلَ اللَّهُ لَهُ مِنْ كُلِّ ضِيقٍ مَخْرَجًا وَمِنْ كُلِّ هَمٍّ فَرَجًا وَرَزَقَهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ".

Maknanya: "Sesiapa yang melazimi dirinya dengan beristighfar pasti Allah akan jadikan bagi setiap kesempitan jalan keluar, dan bagi setiap kekecewaan jalan keluar, dan Allah akan memberinya rezeki yang tidak disangka-sangka".

23- Membaca Kaffarah al-Majlis

Sabda Nabi s.a.w dalam hadith riwayat Imam Tirmizi, no. (3433) yang berbunyi:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - : "مَنْ جَلَسَ فِي مَجْلِسٍ فَكَثُرَ فِيهِ لَعَطُهُ فَقَالَ قَبْلَ أَنْ يَقُومَ مِنْ مَجْلِسِهِ ذَلِكَ سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ وَبِحَمْدِكَ أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ أَسْتَغْفِرُكَ وَأَتُوبُ إِلَيْكَ إِلَّا غُفِرَ لَهُ مَا كَانَ فِي مَجْلِسِهِ ذَلِكَ".

Maknanya: "Sesiapa yang berada dalam satu majlis, lalu dia memperbanyakkan kesalahan di dalam majlis tersebut, kemudian sebelum dia bangun meninggalkan majlis tersebut lalu dia mengucapkan:

سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ وَبِحَمْدِكَ أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ أَسْتَغْفِرُكَ وَأَتُوبُ

إِلَيْكَ pasti diampun baginya segala dosanya yang dilakukan dalam majlis itu”.

24- Cinta Kerana Allah

Sabda Nabi s.a.w dalam hadith riwayat Imam Muslim, no. (4546) yang berbunyi:

عَنْ النَّبِيِّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - : ” أَنْ رَجُلًا زَارَ أَخًا لَهُ فِي قَرْيَةٍ أُخْرَى فَأَرْصَدَ اللَّهُ لَهُ عَلَى مَدْرَجَتِهِ مَلَكًا فَلَمَّا أَتَى عَلَيْهِ قَالَ أَيْنَ تُرِيدُ قَالَ أُرِيدُ أَخًا لِي فِي هَذِهِ الْقَرْيَةِ قَالَ هَلْ لَكَ عَلَيْهِ مِنْ نِعْمَةٍ تَرُبُّهَا قَالَ لَا غَيْرَ أَنِّي أَحْبَبْتُهُ فِي اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ قَالَ فَإِنِّي رَسُولُ اللَّهِ إِلَيْكَ بِأَنَّ اللَّهَ قَدْ أَحَبَّكَ كَمَا أَحْبَبْتَهُ فِيهِ “.

Maknanya: Seorang teman menziarahi saudaranya di sebuah kampung, lalu Allah s.w.t menghantar malaikat di atas tempat duduknya, Kemudian bila malaikat tersebut sampai kepadanya, lantas dia bertanya: ke mana awak hendak pergi? Jawab lelaki tersebut: "Ke sebuah kampung untuk ziarah kawan, Malaikat itu bertanya lagi: Adakah dia berhutang dengan kamu? Jawab lelaki tersebut: "Tidak, tetapi aku mengasihinya hanya kerana Allah s.w.t, Lalu malaikat memberitahu: Sesungguhnya aku

adalah utusan Allah diutus kepadamu untuk mengkhabarkan bahwa Allah mengasihimu sebagaimana kamu mengasihi temanmu itu”.

25- Memberi Salam

Sabda Nabi s.a.w dalam hadith riwayat Imam Muslim, no. (54) yang berbunyi:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - : ” لَا تَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ حَتَّى تُؤْمِنُوا وَلَا تُؤْمِنُوا حَتَّى تَحَابُّوا أَوْ لَا أَدُلُّكُمْ عَلَى شَيْءٍ إِذَا فَعَلْتُمُوهُ تَحَابَبْتُمْ أَفْشُوا السَّلَامَ بَيْنَكُمْ “.

Maknanya: “Kamu semua tidak akan masuk syurga sehinggalah kamu beriman, dan kamu tidak beriman sehinggalah adanya kasih sayang sesama kamu, adakah kamu ingin aku tunjukkan kepada kamu satu amalan yang membuatkan kamu saling berkasih sayang, iaitu hendaklah kamu semua sebarkan ucapan salam sesama kamu”.

26- Doa Untuk Rakan Yang Berjauhan.

Sabda Nabi s.a.w dalam hadith riwayat Imam Muslim, no. (4914) yang berbunyi:

كَانَ النَّبِيُّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - يَقُولُ: ”دَعْوَةُ الْمَرْءِ الْمُسْلِمِ لِأَخِيهِ بِظَهْرِ الْغَيْبِ مُسْتَجَابَةٌ عِنْدَ رَأْسِهِ مَلَكٌ مُوَكَّلٌ كُلَّمَا دَعَا لِأَخِيهِ بِخَيْرٍ قَالَ الْمَلَكُ الْمُوَكَّلُ بِهِ: آمِينَ وَلَكَ بِمِثْلٍ، قَالَ: فَخَرَجْتُ إِلَى السُّوقِ فَلَقَيْتُ أَبَا الدَّرْدَاءِ فَقَالَ لِي مِثْلَ ذَلِكَ يَرَوِيهِ عَنِ النَّبِيِّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ -“.

Maknanya: Sabda Nabi s.a.w yang bermaksud; doa seorang muslim untuk saudaranya dari kejauhan akan dimakbul Allah s.w.t, Sesungguhnya Allah mengutus malaikat untuk berada di hujung kepalanya, Apabila dia berdoa kepada rakannya tadi dengan kebaikan, malaikat itu pun berkata: “Amin dan untuk kamu kebaikan sepertinya”.

27- Cinta Allah dan RasulNya

Sabda Nabi s.a.w dalam hadith riwayat Imam al-Bukhariy, no. (6171) yang berbunyi:

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ - رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ - أَنَّ رَجُلًا سَأَلَ النَّبِيَّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - : ”مَتَى السَّاعَةُ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ مَا أَعْدَدْتُ لَهَا قَالَ مَا

أَعَدَدْتُ لَهَا مِنْ كَثِيرِ صَلَاةٍ وَلَا صَوْمٍ وَلَا صَدَقَةٍ وَلَكِنِّي أَحِبُّ اللَّهَ وَرَسُولَهُ
قَالَ أَنْتَ مَعَ مَنْ أَحَبَبْتَ .

Maknanya: Daripada Anas Ibn Malik menceritakan bahawa seorang lelaki datang dan bertanya kepada nabi s.a.w tentang tarikh hari kiamat, lalu nabi bertanya dengan katanya: "Apakah yang telah engkau membuat persediaan untuknya? Lelaki itu menjawab: Tidaklah aku ini bersedia untuk menghadapinya dengan solat yang banyak, atau puasa yang banyak, tidak juga sedekah yang banyak, tetapi aku sayangkan Allah serta rasulNya, Lalu nabi berkata: Kamu akan bersama dengan orang yang kamu sayangi".

28- Ujian Allah kepada manusia

Sabda Nabi s.a.w dalam hadith sahih al-Bukhariy, no. (5642) yang berbunyi:

عَنْ النَّبِيِّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - قَالَ: " مَا يُصِيبُ الْمُسْلِمَ مِنْ
نَصَبٍ وَلَا وَصَبٍ وَلَا هَمٍّ وَلَا حُزْنٍ وَلَا أَذًى وَلَا غَمٍّ حَتَّى الشَّوْكَةِ
يُشَاكُهَا إِلَّا كَفَرَ اللَّهُ بِهَا مِنْ خَطَايَاهُ ."

Maknanya: "Tidak menimpa seseorang muslim kepenatan, dugaan, kekesalan, kekecewaan, kehinaan dan kesedihan

termasuk duri yang menikam, kecuali Allah s.w.t akan menghapuskan segala dosanya dengan setiap dugaan itu”.

29- Bercucuk Tanam

Sabda Nabi s.a.w dalam hadith riwayat Imam al-Bukhariy, no. (2320) yang berbunyi:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - : ” مَا مِنْ مُسْلِمٍ يَغْرِسُ غَرْسًا
أَوْ يَزْرَعُ زَرْعًا فَيَأْكُلُ مِنْهُ طَيْرٌ أَوْ إِنْسَانٌ أَوْ بَهِيمَةٌ إِلَّا كَانَ لَهُ بِهِ صَدَقَةٌ “

Maknanya: “Tidak bercucuk tanam seseorang muslim apa jua tanaman atau bertani dengan apa jua pertanian, Lalu tanaman itu dimakan burung, manusia atau binatang-binatang melainkan kesemuanya adalah menjadi sedekah”.

30- Menghidupkan Sunnah Yang Baik

Sabda Nabi s.a.w dalam hadith yang berbunyi:

عَنْ جَرِيرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ: جَاءَ نَاسٌ مِنَ الْأَعْرَابِ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ -
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - عَلَيْهِمُ الصُّوفُ فَرَأَى سُوءَ حَالِهِمْ قَدْ أَصَابَتْهُمْ
حَاجَةٌ فَحَثَّ النَّاسَ عَلَى الصَّدَقَةِ فَأَبْطَأُوا عَنْهُ حَتَّى رُئِيَ ذَلِكَ فِي وَجْهِهِ
قَالَ: ثُمَّ إِنَّ رَجُلًا مِنَ الْأَنْصَارِ جَاءَ بِصُرَّةٍ مِنْ وَرَقٍ ثُمَّ جَاءَ آخَرٌ ثُمَّ تَتَابَعُوا

حَتَّى عُرِفَ الشُّرُورُ فِي وَجْهِهِ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ -
 :- ”مَنْ سَنَّ فِي الْإِسْلَامِ سُنَّةً حَسَنَةً فَعَمِلَ بِهَا بَعْدَهُ كُتِبَ لَهُ مِثْلُ أَجْرِ
 مَنْ عَمِلَ بِهَا وَلَا يَنْقُصُ مِنْ أَجْرِهِمْ شَيْءٌ وَمَنْ سَنَّ فِي الْإِسْلَامِ سُنَّةً سَيِّئَةً
 فَعَمِلَ بِهَا بَعْدَهُ كُتِبَ عَلَيْهِ مِثْلُ وِزْرِ مَنْ عَمِلَ بِهَا وَلَا يَنْقُصُ مِنْ أَوْزَارِهِمْ
 شَيْءٌ“ .


Maknanya: Sekumpulan manusia di kalangan arab badawi memakai pakaian diperbuat dari bulu datang kepada rasulullah s.a.w. Apabila baginda melihat keadaan mereka yang amat memerlukan pertolongan, Lalu baginda s.a.w mengarahkan orang ramai menghulurkan bantuan, namun mereka agak perlahan melakukannya sehingga terpancar di wajah nabi perasaannya (kurang gembira), Kemudian datang seorang sahabat dari kalangan Ansar dengan membawa satu uncang emas, disusuli dengan seorang lagi sahabat, akhirnya diikuti oleh ramai sahabat lain sehinggalah terpancar tanda gembira di wajah Nabi s.a.w lalu baginda bersabda dengan katanya: Sesiapa yang melakukan sunnah yang baik dalam Islam, kemudian diteruskan amalan itu oleh orang yang datang selepasnya, nescaya dicatat baginya kebajikan yang dilakukan oleh mereka seluruhnya, sedikit pun tidak kurang dari pahala mereka yang diberikan kepadanya. Sebaliknya sesiapa yang mencipta Sunnah yang jahat, pasti akan dicatat baginya dosa

amalan itu, serta dōsa orang yang melakukannya selepas itu, sedikit pun tidak berkurang dari kejahatan yang mereka lakukan”.

وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ

Sumber rujukan:

- 1- Al-Quran Al-Karim
- 2- Sahih Imam Al-Bukhariy
- 3- Sahih Imam Muslim
- 4- Sunan Imam Al-Tarmizi
- 5- Sunan Imam Abi daud
- 6- Musnad Imam Ahmad
- 7- Al-Ujur Al-Kabirah Fi al-'Amal al-Yasirah
- 8- www.al-islam.com
- 9- Kamus Dewan. Edisi Empat
- 10- Tesaurus Bahasa Melayu Dewan



**SEJARAH RINGKAS PENULISAN,
PENGUMPULAN SERTA
PENANDAAN AL-QURAN**

SUSUNAN :

MOHAMAD HAZLI BIN ISMAIL

PENSYARAH KULLIYAH AL-QURAN KUIN

MERANGKAP :

**TIMBALAN PENGARAH PUSAT KHIDMAT KOMUNITI
KUIN**

Pengumpulan al-Quran Ketika Hayat Baginda Nabi saw

الحمد لله رب العالمين ، والصلاة والسلام على رسول الله وعلى آله
وصحبه أجمعين ، أما بعد ،

Ketika hayat Baginda Nabi saw al-Quran terjaga dengan begitu baik melalui beberapa cara yang antaranya :

- 1 : Hafazan Nabi dan para sahabat.
- 2 : Naskah atau suhuf yang ditulis oleh para sahabat untuk Nabi.
- 3 : Naskah atau suhuf yang ditulis oleh para sahabat yang pandai menulis dan membaca untuk simpanan dan rujukan masing-masing.

Ditambah pula pada setiap tahun Jibril a.s akan datang membuat pembentangan bersama-sama Nabi saw sekali dalam setahun, dan dua kali pada tahun kewafatan Baginda Nabi saw.

Setelah kewafatan Baginda Nabi saw, al-Quran telah sempurna diturunkan bahkan telah dihafaz oleh ribuan para sahabat dan setiap ayat-ayatnya telah pun ditulis di dalam suhuf-suhuf atau helaian-helaian yang tidak disusun. Kesimpulannya al-Quran telah ditulis kesemuanya ketika hayat Nabi saw tetapi ianya tidak dihimpun di dalam bentuk mushaf dan tidak teratur

susunan surah. Selain itu al-Quran juga dihafaz oleh para sahabat. Ada kalangan mereka yang menghafaz semuanya kerana sentiasa bersama dengan Nabi seperti khalifah yang empat dan lain-lainnya dan ada pula kalangan mereka yang menghafaz sebahagian dan ada juga yang menghafaz kurang daripada itu. Antara sebab kenapa al-Quran tidak dikumpulkan dalam satu mushaf ketika hayat Nabi saw ialah,

1. Penurunan al-Quran adalah secara beransur-ansur mengikut peristiwa-peristiwa atau masalah yang berlaku maka ianya tidak mengikut tertib ayat dan surah.
2. Sebahagian daripada ayat-ayat yang diturunkan kemudiannya dinasakhkan atau dibatalkan dari segi bacaannya. Jika dihindarkan sedang proses penurunan wahyu belum selesai maka ini akan menimbulkan masalah.
3. Pengumpulan al-Quran bukanlah sesuatu yang terdesak kerana Nabi masih ada. Apa jua kekeliruan para sahabat akan terus merujuk kepada Nabi saw.
4. Kekurangan peralatan menulis seperti pen, kertas dan sebagainya.
5. Nabi tidak sempat melaksanakannya kerana tempoh hidup Nabi antara selesainya pembentangan terakhir Baginda dengan Jibril a.s amat singkat.

Al-Quran di Zaman Saidina Abu Bakar as-Siddiq

Setelah kewafatan Baginda Nabi saw dan tampok pemerintahan diambil alih oleh Saidina Abu Bakar, ramai kalangan umat Islam yang belum kuat imannya telah kembali murtad dan wujudnya golongan yang enggan mengeluarkan zakat terutamanya penduduk di sebelah an-Najd dan Yaman. Pada zaman beliau juga wujudnya golongan Nabi palsu dan Abu Bakar mengambil tindakan yang tegas terhadap golongan ini. Maka berlakulah beberapa peperangan yang besar dalam usaha membasmi golongan ini. Antara peperangan yang terbesar ialah peperangan Yamamah. Kebanyakan tentera Islam yang terlibat dalam peperangan tersebut ialah kalangan mereka yang menghafaz al-Quran. Seramai 70 orang huffaz di kalangan para sahabat gugur syahid dalam peperangan tersebut. Bahkan sebelum itu ketika peperangan di Bi'ru Mau'nah dekat dengan kota Madinah pun Islam telah kehilangan lebih kurang 70 orang sahabat yang hafaz al-Quran.

Perkara ini membimbangkan Umar al-Khattab ra, lalu beliau datang berjumpa dengan Abu Bakar yang merupakan khalifah pada waktu itu dan berlakulah dialog di antara mereka sebagaimana yang diriwayatkan,

Kata Umar "Kita telah kehilangan ramai penghafaz al-Quran ketika dalam peperangan Yamamah. Aku bimbang kita akan kehilangan lebih ramai huffaz al-Quran dalam peperangan

yang akan datang dan akhirnya banyak ayat-ayat al-Quran yang akan hilang. Oleh itu aku melihat bahawa al-Quran mesti dikumpulkan”.

Kata Abu Bakar “Bagaimana aku nak melakukan sesuatu yang tidak pernah dilakukan oleh Rasulullah saw?”.

Kata Umar “Demi Allah, ini adalah pekerjaan yang baik sekalipun tidak pernah dilakukan oleh Rasulullah saw”.

Umar beberapa kali memberikan alasan dan hujjah kepada Abu Bakar sehinggalah Allah swt membuka pintu hati Abu Bakar untuk melaksanakan tugas penting ini. Lalu Abu Bakar memanggil Zaid bin Thabit dan berkata kepadanya;

“Sesungguhnya Umar mengajakku mengumpulkan al-Quran. Engkau adalah seorang pemuda yang pintar dan kamu juga merupakan penulis wahyu kepada Rasulullah saw. Oleh itu maka kumpulkanlah ayat-ayat al-Quran itu”.

Kata Zaid “Demi Allah, ini adalah satu pekerjaan yang amat berat bagiku. Seandainya aku diperintahkan untuk memindahkan sebuah bukit, maka perintah itu lebih ringan dan mudah bagiku daripada apa yang engkau perintahkan ini”.

Setelah Allah swt membuka pintu hati Zaid bin Thabit untuk menjalankan tugas penting ini maka beliau mula mengumpulkan al-Quran yang ditulis di daun, pelepah kurma, batu, tanah keras, tulang unta atau kambing dan juga dari hafazan para sahabat.

Zaid bin Thabit cukup teliti dalam tugas penting ini sekalipun beliau menghafaz keseluruhan al-Quran tetapi Zaid tetap memandang kepada sumber-sumber hafazan dan tulisan para sahabat yang lain.

Al-Quran secara keseluruhannya ditulis serta dikumpul oleh Zaid bin Thabit dalam lembaran yang diikat dengan benang. Lembaran tersebut tersusun mengikut aturan ayat dan surah sebagaimana yang diberitahu oleh Nabi saw. Lembaran tersebut diserahkan kepada Abu Bakar sehinggalah kewafatannya lebih kurang setahun setelah ianya siap dikumpulkan maka ianya berpindah tangan kepada Umar al-Khattab. Selepas kewafatan Umar al-Khattab ianya berpindah tangan kepada Hafsa binti Umar, puteri Umar al-Khattab yang juga isteri kepada Baginda Nabi saw sehinggalah kewafatannya kemudian diwarisi oleh adiknya Abdullah bin Umar yang kemudiannya diserahkan kepada Marwan bin Hakam pemimpin Madinah ketika Khalifah Mua'wiyah dan dibakar atas arahan Marwan bin Hakam kerana bimbang berlakunya keraguan di kalangan muslimin.

Penvusunan al-Quran di Zaman Khalifah Uthman al-A'ffan

Tetaplah al-Quran itu sebagaimana yang diwarisi daripada Hafsa binti Umar daripada bapanya Umar al-Khattab dan daripada Abu Bakar as-Siddiq ra. Ketika era pemerintahan Uthman al-A'ffan pembukaan kota-kota Islam berkembang

dengan begitu hebat sehingga sampai ke Armenia, Azerbaijan dan sebagainya.

Ke mana sahaja Islam sampai maka al-Quran akan dibawa bersama-sama masuk ke dalam negara tersebut. Ramai di kalangan muslimin pada waktu itu menghafaz al-Quran dan mereka juga ada menyimpan naskah-naskah al-Quran yang tidak sama susunan surahnya.

Turut berlaku di kalangan masyarakat Islam pada waktu itu perbezaan dari segi lajhah bacaan atau wajah-wajah 'Qiraat' yang sebenarnya wajah-wajah bacaan mereka sememangnya mendapat restu dari Nabi saw atas sebab memudahkan mereka menghafaz al-Quran dan begitulah al-Quran diturunkan. Bacaan mereka berbeza dari segi wajah-wajah qiraat yang berpunca daripada penurunan al-quran itu mengikut سبعة أحرف sebagaimana yang diriwayatkan daripada Nabi saw. Mereka mengambil bacaan daripada kalangan sahabat-sahabat yang masyhur,

1. Penduduk Syam (Syria) membaca mengikut bacaan yang diambil daripada Ubai bin Ka'ab
2. Penduduk Kufah membaca mengikut bacaan yang diambil daripada Abdullah bin Masu'd
3. Manakala yang lain membaca mengikut bacaan yang diambil daripada Abu Musa al-Asya'ri

Pada tahun kedua atau ketiga pemerintahan Uthman, sekitar tahun ke 25 hijrah penduduk Syam dan Iraq bersatu dalam

peperangan membuka Armenia dan Azerbaijan. Salah seorang sahabat yang turut sama dalam peperangan ini ialah Huzaifah bin al-Yaman dan dia melihat berlakunya pertikaian di kalangan muslimin pada wajah-wajah qiraat. Perbezaan bacaan atau wajah-wajah qiraat ini membawa kepada satu masalah besar yang jika sekiranya dibiarkan tanpa diambil tindakan maka dibimbangi akan mencetuskan perpecahan di kalangan umat Islam. Ketika dalam perjalanan Huzaifah terdengar pertikaian seorang lelaki berkata kepada sahabatnya "bacaan aku lebih baik daripada bacaan kamu" bahkan ada juga yang menuduh bacaan yang lain tidak betul dan salah sehingga mencetuskan perbalahan sesama mereka.

Apa yang berlaku itu benar-benar membimbangkan Huzaifah bin al-Yaman dan setelah beliau kembali ke Madinah lalu beliau berjumpa dengan Khalifah Uthman sambil berkata kepadanya, "kita perlu bertindak agar umat Islam tidak terus berselisih pendapat pada al-Quran sebagaimana perselisihan yang berlaku antara Yahudi dan Nasrani terhadap kitab mereka".

Pandangan Huzaifah diambil berat oleh Khalifah Uthman dan tindakan pertama beliau ialah meminta suhuf yang ditulis ketika hayat Abu bakar dan disimpan oleh Hafsa binti Umar untuk diserahkan kepadanya. Kemudian dibentuk satu lajnah atau jawatankuasa yang terdiri daripada Zaid bin Thabit sebagai ketua, Abdullah bin Az-Zubair, Said bin al-A'ash, Abdul Rahman bin Harith bin Hisyam yang mana mereka bertiga ini berbangsa Quraisy.

Tugas utama kumpulan yang dibentuk oleh Uthman ini ialah membukukan al-Quran atau menyalin semula al-Quran yang disimpan oleh Hafsa binti Umar mengikut kaedah tertentu dan kemudiannya di hantar ke setiap negeri untuk dijadikan rujukan jika berlakunya perselisihan. Tugas tersebut mesti berpandukan kepada syarat-syarat berikut:

1. Merujuk kepada mereka yang menghafaz al-Quran dan memastikan yang ianya benar-benar ayat al-Quran sebelum ditulis. Ini adalah kerana ada para sahabat yang menulis syarah atau tafsiran ayat bersama-sama ayat al-Quran.
2. Jika sekiranya berlaku pertikaian antara mereka tentang lajyah pada bacaan maka hendaklah ditulis mengikut lajyah atau dialek bangsa Quraisy kerana al-Quran diturunkan mengikut lajyah mereka.
3. Ayat tersebut bukanlah ayat yang dinasakhkan bacaannya serta dibaca ketika pembentangan terakhir antara Nabi dengan Jibril as.

Setelah selesai penyalinan semula suhuf kepada mushaf maka Uthman memulangkan kembali suhuf yang dipinjam daripada Hafsa. Setiap satu salinan dihantar ke setiap pelusuk negeri Islam untuk dijadikan panduan dan rujukan. Uthman turut memerintahkan agar kesemua suhuf atau mushaf yang lain daripada yang telah disalin di bawah perintahnya untuk dibakar kerana mengelakkan daripada sebarang pertikaian dan perbalahan. Setengah ulama' mengatakan kecuali suhuf yang

ada pada Hafsa tidak dibakar kerana Uthman menganggap ianya adalah punca atau sumber utama kepada mushaf Uthman namun ianya kemudian dibakar ketika era pemerintahan Mua'wiyah atas arahan Marwan bin Hakam.

Berapa Kalikah al-Quran Dikumpulkan?

Daripada apa yang telah lalu jelas kepada kita bahawa al-Quran telah dikumpulkan yakni ditulis sebanyak tiga kali. Pertama ketika hayat Nabi saw, kedua ketika pemerintahan Abu Bakar as-Siddiq dan ketiga ketika era pemerintahan Uthman al-Affan. Walaubagaimanapun ada sedikit perbezaan tujuan dan sebab pada ketiga-tiga era ini;

1. Pengumpulan atau penulisan pada ketika hayat Nabi saw ialah al-Quran ditulis dalam keadaan tertib ayat dan surah tetapi tidak terkumpul pada satu tempat. Ianya berselerak pada kulit kambing tulang dan sebagainya. Tujuan utama ianya ditulis hanya untuk membantu hafazan ketika lupa dan sebagainya.
2. Pengumpulan ketika era Abu Bakar as-Siddiq ialah memindahkan atau menghimpunkan apa yang telah ditulis ketika hayat Nabi saw menjadi satu serta dijahit dalam keadaan tersusun ayat dan surah kerana bimbang hilangnya al-Quran dengan sebab kematian para huffaz. Pengumpulan di era Saidina Abu Bakar tidak menggunakan kaedah penulisan yang dapat menyatukan wajah-wajah qiraat yang berbeza.

3. Pengumpulan ketika era Uthman al-Affan pula ialah memindahkan atau menyalin semula apa yang telah dikumpulkan di zaman Abu Bakar dan disusun menjadi mushaf kemudian dihantar ke seluruh negeri Islam sebagai rujukan kerana mengelakkan pertikaian yang berlaku di kalangan muslimin pada wajah-wajah bacaan atau qiraat. Pengumpulan di era Saidina Uthman ini menggunakan kaedah penulisan yang dapat menyatukan wajah-wajah qiraat yang berbeza.

Bilangan Masahif al-Uthmaniah

Ulama berselisih pendapat pada jumlah bilangan mushaf yang dihantar oleh Uthman ke seluruh Negara Islam. Pendapat yang kuat mengatakan jumlahnya sebanyak enam buah yang dihantar ke;

1. Satu dihantar ke Makkah dengan diketuai oleh Abdullah bin as-Saib dan dikenali sebagai Mushaf Makkiy.
2. Satu dihantar ke Basrah dengan diketuai oleh A'mir bin Abdul Qais dan dikenali sebagai Mushaf Basriy.
3. Satu dihantar ke Kufah yang diketuai oleh Abu Abdul Rahman as-Sulami dan dikenali sebagai Mushaf Kufiy.
4. Satu dihantar ke Syam yang diketuai oleh al-Mughirah bin Syihab dan dikenali dengan Mushaf Syamiy.
5. Satu ditinggalkan di Madinah yang diketuai oleh Zaid bin Thabit dan dikenali sebagai al-Madani al-A'm.

6. Mushaf al-Imam yang disimpan oleh Uthman yang dikenali sebagai Mushaf Madani Khas atau Mushaf al-Imam. Riwayat mengatakan inilah mushaf yang mula-mula siap disalin dan daripadanya pula disalin mushaf-mushaf yang lain. Saidina Uthman syahid dibunuh ketika sedang membaca mushaf ini dan kesan tempokan darah masih kekal hingga ke hari ini.

Setelah mushaf ini dihantar ke seluruh negeri-negeri Islam dan diterima oleh mereka maka ia kemudiannya disalin dengan banyaknya mengikut mushaf Uthman yakni dalam keadaan tidak bertitik dan tidak berbaris kerana meraikan wajah-wajah qiraat yang lain.

Penambahbaikan Mushaf Uthman dan Sebab-sebabnya

Sebagaimana yang kita maklum, mushaf yang ditulis ketika era Khalifah Uthman tidak berbaris dan tidak pula bertitik. Ini tidak menjadi masalah buat para sahabat dan juga umat Islam pada waktu itu kerana mereka belajar dan bertalaqqi dengan Nabi serta para sahabat yang mahir ditambah pula penguasaan mereka dalam bahasa arab.

Setelah Islam makin tersebar luas ke pelusuk dunia, orang-orang a'jam atau bukan arab memeluk Islam. Tambahan pula mereka ini tidak menguasai bahasa arab, maka berlakulah kesalahan-kesalahan yang merosakkan makna sebenar al-Quran disebabkan al-Quran yang ada pada mereka tidak berbaris dan tidak bertitik.

Sebab berlakunya penambahbaikan pada mushaf Uthman sebagaimana yang diriwayatkan bahawa Mua'wiyah telah mengarahkan Ziyad untuk menghantar anaknya Ubaidillah bin Ziyad untuk berjumpa dengannya. Tatkala Ubaidillah datang berjumpa dengan Mua'wiyah dan bercakap-cakap dengan Mua'wiyah maka Mua'wiyah mendapati Ubaidillah banyak melakukan kesalahan dari segi bahasa ketika bercakap dengannya. Lalu dihantar satu surat bersama-sama anaknya yang mana kandungan surat tersebut mencelah Ziyad atas kesalahan anaknya. Lalu Ziyad mengutuskan satu surat kepada tokoh ulama pada waktu itu Abu al-Aswad ad-Dauli. Kata Ziyad,

"Wahai Abu Aswad, sesungguhnya orang-orang a'jam telah ramai memeluk Islam dan mereka juga telah merosakkan bahasa arab. Alangkah baiknya jika kamu ambil satu tindakan bagi menghalang mereka ini daripada terus merosakkan bahasa arab dan juga agar mereka dapat membariskan al-Quran dengan betul".

Pada mulanya cadangan Ziyad itu ditolak oleh Abu Aswad sehingga memaksa Ziyad mengarahkan seorang lelaki untuk tunggu di sebatang jalan yang sentiasa dilalui oleh Abu Aswad. Kata Ziyad kepada lelaki tersebut "apabila lalu Abu Aswad maka bacakanlah olehmu mana-mana ayat al-Quran serta sengaja buat-buat salah". Maka tatkala lalu Abu Aswad, lelaki tadi membaca ayat 3 surah at-Taubah,

وَأَذَانٌ مِّنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ إِلَى النَّاسِ يَوْمَ الْحَجِّ الْأَكْبَرِ أَنَّ اللَّهَ
بَرِيءٌ مِّنَ الْمُشْرِكِينَ وَرَسُولُهُ

Maksud : Dan inilah perisytiharan dari Allah dan RasulNya kepada umat manusia, (diisytiharkan) pada hari raya haji yang terbesar, bahawa sesungguhnya Allah dan RasulNya memutuskan tanggungjawab terhadap orang-orang musyrik;

Ayat tersebut dibaca dengan baris kasrah pada لام kalimah وَرَسُولُهُ yang membawa maksud "Allah melepaskan

tanggungjawabnya terhadap orang-orang musyrik dan RasulNya". Selepas daripada peristiwa tersebut Abu Aswad kembali berjumpa dengan Ziyad dan menyatakan kesediaannya untuk menjalankan tugas tersebut. Lalu dipilih seorang lelaki daripada qabilah Abdul Qais, setengah pendapat mengatakan daripada qabilah Quraisy dan Abu Aswad berkata kepadanya;

"Ambil olehmu akan mushaf dan dakwat yang berbeza warnanya dengan warna tulisan mushaf. Apabila aku bukakan dua bibirku (fathah) maka letakkan satu titik di atas huruf tersebut. Apabila aku muncungkan bibirku (dhomeh) maka letakkan satu titik dihadapannya. Apabila aku pecahkan bibirku (kasrah) maka letakkan satu titik di bawahnya. Apabila aku sertakan dengan baris tersebut dengung (ghunnah atau

tanwin) maka letakkan dua titik". Begitulah keadaannya sehinggalah mereka sampai ke akhir mushaf.

Ketika zaman pemerintahan Abdul Malik bin Marwan, kesalahan membaca al-Quran terus berlaku apabila pembukaan kota-kota Islam semakin bertambah dan juga bertambahnya bilangan orang a'jam yang memeluk Islam. Kesalahan berpunca daripada ketiadaan tanda yang dapat membezakan antara huruf-huruf muhmalah (مهملة) yang tidak bertitik dengan huruf-huruf mu'jamah (معجمة) yang bertitik. Atas arahan Abdul Malik bin Marwan kepada al-Hajjaj bin Yusuf as-Thaqafi supaya dilakukan sesuatu agar fitnah ini tidak berterusan, lalu al-Hajjaj melantik dua orang ulama' tersohor pada waktu itu Nasru bin A'sim dan Yahya bin Ya'mar. Mereka berdua adalah pakar dalam ilmu qiraat dan juga bahasa Arab, lalu dicipta dan diletakkan titik sebagai tanda untuk membezakan antara huruf-huruf muhmalah dengan huruf-huruf mu'jamah. Warna titik ini sama dengan warna tulisan mushaf untuk membezakan antara titik mereka dengan titik baris yang dibuat oleh Abu Aswad ad-Dauli.

Pada zaman pemerintahan Abbasiyyah, lahir seorang tokoh yang terkenal iaitu al-Khalil bin Ahmad al-Basriy maka dia mengambil titik baris yang dicipta oleh Abu Aswad dan ditambahbaik dengan menjadi baris atau as-syaklu (الشكل). Maka daripada alif yang dilintangkan lahirlah baris bagi fathah, huruf wau yang kecil menjadi baris bagi dhommah dan ya (ي) yang kecil setelah dibuang kepala dan ekornya menjadi baris

bagi kasrah. Kemudian al-Khalil bin Ahmad juga menciptakan tanda bagi syaddah yang diambil daripada kepala syin (ش), tanda bagi sukun yang diambil daripada kepala kho (خ), dan juga tanda-tanda yang lain. Satu pendapat mengatakan tanda bagi syaddah, sukun, ikhtilas dan isymam muncul ketika zaman Daulah al-Abbasiyyah atau selepas zaman al-Khalil bin Ahmad. Berterusanlah mushaf seperti itu dengan ditambah sedikit demi sedikit penambahbaikan oleh para ulama' untuk memudahkan umat Islam membaca al-Quran sehinggalah ke zaman kita pada hari ini.

Kesimpulannya, titik yang menjadi tanda bagi baris muncul lebih awal daripada titik yang membezakan antara huruf muhmalah dan huruf mu'jamah. Manakala baris yang ditambak oleh al-Khalil bin Ahmad pula muncul selepas kedua-duanya.

Rujukan :

1. Al-Quran al-Karim dan Terjemahan
2. Irsyad at-Tholibin Ila Dhobt al-Quran al-Karim, Dr. Muhammad Salim Muhaisin.
3. Tarikh al-Mushaf as-Syarif, Fadhilah as-Syeikh Abdul Fattah al-Qadhi.
4. Sejarah al-Quran, Abu Mardhiah.

